



جابتن أكام إسلام فيراق  
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Semua Pengerusi Jawatankuasa Kariah,  
Seluruh Masjid, Surau Diri Jumaat dan Surau,  
Negeri Perak Darul Ridzuan

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : Bil. (103) JAIPK/BPM/32/12  
Tarikh : 24 Syawal 1441  
16 Jun 2020

YBhg. Tan Sri/ Dato'/ Tuan,

**HEBAHAN TENTANG PENAMBAHAN BILANGAN JEMAAH UNTUK PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DAN SOLAT FARDHU BERJEMAAH SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) COVID-19 DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama dengan surat ini dilampirkan Garis Panduan Pelaksanaan Solat Jumaat di Masjid dan SDJ dan Solat Fardhu Berjemaah Di Masjid, SDJ dan Surau Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19 di Negeri Perak Darul Ridzuan.
3. Untuk makluman YBhg Tan Sri/Dato'/Tuan, untuk **Solat Fardhu Berjemaah dibenarkan berkuatkuasa mulai subuh hari Jumaat 19hb Jun 2020 bersamaan 27 Syawal 1441H dengan kapasiti jemaah berasaskan keluasan sebenar ruang utama dewan solat.**
4. Manakala **Solat Jumaat pula dibenarkan berkuatkuasa mulai hari Jumaat 19hb Jun 2020 bersamaan 27 Syawal 1441H dengan kapasiti ahli jemaah berasaskan keluasan sebenar ruang utama dewan solat.**
5. Bersama dengan surat ini, dilampirkan garis panduan pelaksanaannya untuk pihak YBhg Tan Sri/Dato'/Tuan edarkan kepada semua ahli qariah.
6. Segala keprihatinan dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Dato'/ Tuan amatlah kami hargai. Sekian, dimaklumkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menandatangani amanah,

**(DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN)**

Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Perak

S.k

Semua Orang Besar Jajahan (OBJ), Pejabat Orang Besar Jajahan Daerah,  
Negeri Perak Darul Ridzuan.

Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan

**"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"**